

Headline	Laluan gelap bertukar terang		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	3
ArticleSize	809 cm ²	Journalist	NUR ALINA
PR Value	RM 41,399		



NAJIB Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak (empat, kiri) melancarkan gimik penyerahan lampu jalan pada program Pemimpin Bersama Rakyat dan Majlis Penyerahan Lampu Jalan di Padang Awam Bukit Mor Muar, Jumaat lalu. Turut hadir isterinya Datin Seri Rosmah Mansor, Ahli Parlimen Muar Datuk Seri Razali Ibrahim (kiri), Menteri Besar Johor Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (dua, kiri) dan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (dua, kanan).



Laluan kampung kecil di sekitar Parit Jawa, Muar kini lebih terang selain selamat untuk dilalui penduduk.

Laluan gelap bertukar terang

Projek LJK bantu penduduk luar bandar ubah kehidupan malam jadi lebih bermanfaat

NUR ALINA HASSAN

MUAR- Pemberian yang sangat bermakna buat penduduk kampung. Denikian ungkapan dizahirkan penduduk yang berbesar hati apabila laluan di kampung mereka kini dipasang lampu.

Penduduk dari Kampung Parit Haji Ali, di sini, Misnah Mohd Jelis, 63, menyifatkan pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) fasa 8 yang dilaksanakan Tenaga Nasional Berhad (TNB) banyak membantu kehidupan seharian khususnya pada waktu malam.

Menurut Misnah, limpahan cahaya yang dibekalkan di hadapan rumahnya itu menjadikan jalan di situ, yang digunakan pelbagai kenderaan, lebih selamat, malah rumahnya turut terang.

"Sebelum ini, laluan depan rumah ni memang gelap dan makcik nak ke surau, terpaksa jalan dalam gelap. Bimbang juga dengan keselamatan.

"Lampu jalan tak ada juga sukarkan penduduk lain yang melalui jalan ini kerana perlu mengharap-



MOHD AFEZAN

kan lampu kenderaan semata-mata. Makcik pun adakalanya buka lampu luar rumah untuk bantu mereka yang lalu-lalang selain nak jaga keselamatan rumah sendiri," katanya ketika ditemui.

Bagaimanapun ujar Misnah, lampu jalan yang dipohonnya tahun ini memberikan kelegaan kepada dia sekeluarga apabila kawasan kampungnya kini diberikan kemudahan sebatang lampu jalan untuk setiap tiga rumah.

Sementara itu, seorang lagi penduduk dari Kampung Parit Kemang, Sungai Balang, di sini, Suhaimi Mat Jeni, 49, nyata gembira apabila kawasannya kini lebih terang ekoran limpahan cahaya mulai dipasang di kampungnya se-



MISNAH

cara berperingkat.

"Sejak lima tahun lagi, kampung kami mulai dilipahi cahaya sedikit demi sedikit. Dan ketika ini saya boleh katanya yang kawasan kami sekarang lebih terang.

"Saya juga dimaklumkan kampung kami akan ditambah lagi lampu jalan. Ia memang bagi manfaat. Bukan setakat mudahkan pengguna jalan, tapi turut bantu kami jalankan aktiviti Rukun Tetangga," katanya teruja.

Sementara itu, Penghulu Mukim Ayer Hitam, Mohd Afezan Yahya berkata, program LJK fasa 8 membuktikan keprihatinan kerajaan dalam menjaga kebajikan penduduk meskipun dari



SUHAIMI

luar bandar termasuk terangkasan syarikat besar TNB melaksanakan kerja-kerja pemasangan dengan teliti.

"Bila kawasan dah terang, apa-apa aktiviti pun mudah nak dirancang. Macam kampung saya kini lebih senang adakan program berbenut keagamaan, mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) serta pelbagai lagi.

"Aktiviti rawang dalam majlis atau kenduri juga mudah nak diatur selain ia turut membantu merencanakan permuafakatan penduduk kampung," katanya.

Menurut Mohd Afezan, sebanyak 65 unit lampu jalan termasuk LED telah dipasang pada 2017 dan dianggarkan

Pelaksanaan LJK ini memberi manfaat kepada kira-kira 9,000 penduduk kampung di mukim berkenaan," - Mohd Afezan

sebanyak 85 hingga 90 batang lampu lagi akan ditambah pada tahun ini, memabikan enam kampung induk dan kira-kira 25 kampung rangkaian.

"Pelaksanaan LJK ini memberi manfaat kepada kira-kira 9,000 penduduk kampung di mukim berkenaan," katanya.

Terdahulu, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sebanyak 13,582 unit LJK di 1,566 kampung di seluruh negeri ini siap dipasang dalam program fasa 8 projek berkenaan.

Katanya, pemasangan yang mengutamakan kawasan luar bandar itu turut melibatkan peruntukan RM8.59 juta dengan 486 unit lampu tersebut jenis LED.

"Sasaran tumpuan atau lokasi pemasangan LJK jenis LED ini adalah di kawasan strategik umum dan sim-

pang-simpang utama jalan.

"Kerajaan melihat respons rakyat terhadap pemasangan LJK ini amat popular kerana ia menceria dan memeriahkan kampung," katanya ketika berucap pada Majlis Penyerahan LJK Negeri Johor, di sini, Jumaat lalu.

Penyerahan tersebut disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sempena Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Padang Awam Bukit Mor di Parit Jawa.

Dalam perkembangan berkaitan, Ismail Sabri memaklumkan kerajaan membelanjakan kira-kira RM245 juta untuk membiayai lebih 317,000 unit LJK di seluruh negara melalui Rancangan Malaysia ke-8 hingga ke-11.

Projek LJK fasa 8 dilaksanakan oleh kerajaan menerusi KKLW dengan TNB bertindak sebagai agensi pelaksana projek.